

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, SELANGOR
BILANGAN 1/1980

=====

PEMBERIAN MILIK CARA BERKUMPUL

Mengikut Warta Kerajaan Negeri, Sel. 458/4/1960 semua buku permohonan tanah adalah tertutup melainkan beberapa jenis permohonan yang dikecualikan diantaranya ialah permohonan bagi memiliki tanah cara berkelompok. Ini adalah semata-mata untuk menyenangkan dan meringkaskan tindakan Kerajaan untuk menyelesaikan permohonan-permohonan tanah. Jika permohonan tanah itu dibuat cara perseorangan maka terpaksa mengambil bagi tiap-tiap satu permohonan satu laporan daripada tiap-tiap pejabat berkenaan dan Pejabat Tanah terpaksa memeriksa tiap-tiap keeping tanah yang dipohon itu dan satu kertas ringkasan bagi tiap-tiap satu permohonan untuk Majlis Mesyuarat Kerajaan tetapi jika dibuat dibawah permohonan cara berkelompok maka memadai menyediakan satu kertas induk, satu pelan induk yang mengandungi laporan-laporan daripada semua jabatan. Ini mengambil masa yang ringkas untuk mendapatkan kelulusan untuk meneruskan rancangan itu dan menawarkan dan memilih peserta-peserta.

2. Dengan yang demikian peraturan membuka rancangan berkelompok atau kawasan tanah untuk permohonan cara berkelompok adalah seperti berikut:

Untuk menyenangkan peribahasa semua kawasan tanah yang hendak dibuka dengan permohonan cara berkelompok, akan disebut dan dikenali sebagai Rancangan Berkelompok yang tidak kurang daripada 30 ekar. Tanah dibawah 30 ekar adalah disebut sebagai tanah tersepit atau tanah saku yang boleh dipohon bersendirian.

Cadangan membuka Rancangan Berkelompok boleh diterima daripada tiga(3) sumber:-

1. Pemungut Hasil Tanah atau Pegawai Daerah;
2. Daripada Yang Berhormat Wakil Rakyat;
3. Rakyat melalui Jawatankuasa Kerja Kampung dan Penghulu.

Apabila satu-satu permohonan membuka satu Rancangan Berkelompok diterima maka cadangan itu hendaklah dikemukakan oleh Pemungut Hasil Tanah kepada Jawatankuasa Tindakan Daerah untuk mendapatkan kelulusan (lampu hijau) menjalankan rancangan di kawasan itu jika bersetuju. Pemungut Hasil Tanah dan Pegawai Pertanian Daerah akan diarahkan oleh Jawatankuasa Tindakan Daerah melawat kawasan itu berjalan disekeliling kawasan di pohon dan didalam kawasan itu dan menyediakan satu pelan berukuran 8 rantai – 1 inci dan disahkan bahawa itu sesuai untuk tujuan yang dipohon dan ditanda-tangani bersama oleh pegawai petempatan dan Pegawai Pertanian Muda selepas membuat lawatan dan pemeriksaan. Perkara itu diangkat semula oleh Pemungut Hasil Tanah Ke Jawatankuasa Tindakan Daerah dalam daerah. Jika Jawatankuasa Tindakan Daerah menerima dan mengarahkan Pemungut

Hasil Tanah meneruskan rancangan itu. Pemungut Hasil Tanah akan memanggil laporan-laporan daripada semua jabatan berkenaan.

Pemungut Hasil Tanah akan menyediakan satu Surat Ringkasan dan 4 keping pelan untuk Majlis Mesyuarat Kerajaan melalui Pengarah Tanah dan Galian, Selangor. Pemungut Hasil Tanah hendaklah menyebutkan persetujuan Jawatankuasa Tindakan Daerah dan syornya sendiri terhadap rancangan ini berdasarkan laporan-laporan yang diterima.

Apabila diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan, Pemungut Hasil Tanah bolehlah mengukur tanah dan memanggil permohonan-permohonan menjadi peserta rancangan itu. Jika sudah diteroka atau ada Lesen Tumpangan Sementara bolehlah diminta mereka memohon menjadi peserta. Mereka boleh ditemuduga dan dipilih oleh Jawatankuasa Pemilih Daerah. Pemohon-pemohon yang dipilih hendaklah membuat permohonan tanah Kerajaan Rasmi (N.L.C. 53).

Apabila siap, hendaklah diangkat ke Majlis Mesyuarat Kerajaan untuk kelulusan permohonan tanah dan berkenaan dengan luasnya, tempohnya, jenis hakmilik, cukai, premium, jenis kegunaan tanah syaratnya dan sekatan hak dan lain-lain.

Tanah ini tiada apa-apa bantuan daripada Kerajaan.

Setelah diluluskan hendaklah ditempatkan mereka ke atas tanah dan sediakan permohonan sukat kepada Jabatan Ukur seterusnya.

Diharapkan arahan di atas dapat mengwujudkan tindakan seragam dalam Negeri Selangor di atas perkara ini.

T.T.
(Datuk Raja Brima Sulong B. Raja Rome)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
SELANGOR.

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Selangor,
Shah Alam

Tarikh : 17 Januari, 1980